

PM puji sikap ahli UMNO dahulu

UM - 1 FEB 2003

Oleh MARHAINI
KAMARUDDIN dan
HATTA WAHARI

KUALA LUMPUR 31 Jan. — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad hari ini memuji sikap ahli UMNO dulu yang tidak mengamalkan semangat kenegerian dan tidak berebut-rebut untuk menjadi calon bagi sesuatu jawatan.

Berucap ketika melancarkan buku biografi Tan Sri Fatimah Hashim, menteri wanita pertama Malaysia, Dr. Mahathir berkata, kebaikan sikap mereka itu membolehkan pucuk pimpinan memberi tempat kepada yang benar-benar layak berjuang.

Beliau menarik perhatian bagaimana Fatimah

yang berasal dari Johor boleh dicalonkan menjadi wakil rakyat di Jitra, Kedah sebanyak tiga kali dan berjaya pula mendapat sokongan apabila menang setiap kali pilihan raya.

“Kini rumit sikit (hendak melakukannya) kerana orang tempatan selalu mahukan calon dari kampung mereka, kalau tidak datang dari rumah mereka pun dari kampung mereka.

“Sedangkan masa dulu (ahli UMNO) tidak berhempas pulas hendak menjadi calon. Saya masih ingat ada yang memohon maaf kerana merasakan tidak layak menjadi calon,” katanya pada majlis pelancaran buku biografi bertajuk *Tan Sri Fatimah: Potret Seorang Pemimpin* di sini hari ini.

Mengulas mengenai Fatimah, Dr. Mahathir berkata, walaupun sekadar berkelulusan darjah lima sekolah Melayu, beliau sememangnya layak menjadi calon UMNO dalam pilihan raya.

Menurutnya, kekuatan Fatimah ialah kemampuannya menarik sokongan kaum wanita di kampung-kampung untuk menaruh minat dalam politik.

Tambah beliau, kewibawaan Fatimah sebagai Wakil Rakyat Jitra juga terserlah apabila berjaya menjadikan kawasan itu kubu kuat UMNO sehingga sekarang.

Justeru Perdana Menteri mengalu-alukan penghasilan buku biografi mengenai perjuangan Fatimah bersama-sama pemimpin lain mengasas-

kan UMNO dan memperjuangkan kemerdekaan negara.

“Penulisan buku biografi mengenai pejuang-pejuang kemerdekaan negara amat penting untuk dijadikan panduan kepada generasi muda mengetahui dan mempelajari sejarah kemerdekaan negara,” katanya.

Dr. Mahathir berkata, pengorbanan mereka terutama semasa negara hendak mencapai kemerdekaan perlu direkodkan kerana ia adalah sejarah negara.

“Kita harus ingat apa yang berlaku hari ini akan menjadi satu sejarah pada masa akan datang. Tetapi ramai daripada kita yang menganggap apa yang berlaku hari ini tidak mempunyai apa-apa makna atau menjadi

suatu benda yang dihargai,” katanya.

Sebenarnya, kata Dr. Mahathir, sejarah sesuatu negara perlu direkodkan kerana beliau perca-

ya pada masa depan ramai yang berminat untuk mengetahui apa yang telah berlaku di masa lampau.

Buku biografi *Tan Sri*

Fatimah: Potret Seorang Pemimpin ditulis oleh Prof. Emeritus Datuk Dr. Nik Safiah Karim dan Dr. Rokiah Talib menyingkap perjuangan dan pengor-

banan bekas Ketua Kaum Ibu UMNO itu sehingga layak menjadi model wanita yang berjaya dalam kerjaya dan keluarga.